

22/07/2000

Pas tidak boleh nafi ada ahli bersifat militan

BUKANLAH sesuatu yang mengejutkan jika ramai pengikut Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) adalah ahli atau mereka yang bersetuju dengan cara Pas. Melihat daripada ciri-ciri perjuangan Pas yang menggembir-gemburkan soal Islam di negara ini, menampakkan persamaan nyata antara kedua-dua pertubuhan itu. Sememangnya ahli Pas dipelawa menganggotai kumpulan itu sebagaimana pernah diiklankan melalui Harakah dua tahun lalu. Al-Ma'unah juga sedar adalah lebih mudah mempengaruhi ahli Pas supaya bersama-sama mereka kerana persamaan matlamat. Tidak banyak bezanya antara Peristiwa Memali dengan kes rompakan senjata di Kem Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, seterusnya di Bukit Jenalek, Sauk, dekat Kuala Kangsar, baru-baru ini. Mereka sanggup mati kononnya untuk menegakkan perjuangan mereka yang sia-sia itu. Pemimpin Al-Ma'unah, Mohd Amin Mohd Razali sudah pun dikenal pasti menjadikan Ibrahim Libya sebagai idolanya. Pas tidak boleh menafikan bahawa ada di kalangan ahlinya bersikap ekstremis dan militan. Tuduhan yang melampaui batas agama seperti menuduh orang Umno sebagai kafir, sembahyang dua imam dan haram makan sembelihan orang Umno jelas membuktikan bahawa perkara seperti ini bukanlah perkara baru. Apa pun cemuhan yang dibuat ke atas pengikut parti itu, mereka memberi alasan yang tidak dapat diterima.

Sebenarnya, bukanlah sukar untuk membuktikan bahawa pengikut Al-Ma'unah dianggotai ahli Pas kerana nama mereka tersenarai dalam pendaftaran kumpulan itu. Tidak perlulah Pas meminta supaya nama-nama itu didedahkan kerana apa juga pendedahan dibuat, Pas akan menafikannya dengan apa cara sekali pun. Sebaliknya, parti itu akan memutarbelitkan kenyataan kerajaan, malah membuat tuduhan baru kepada kerajaan untuk menunjukkan parti itu tidak pernah pun melakukan kesilapan. Apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengatakan lambang Pas ditemui di tempat kumpulan Al-Ma'unah, sepiantas kilat pula pemimpin parti itu memberi alasan bahawa penemuan lambang parti tidak boleh dijadikan bukti pembabitannya mereka. Malah, mereka seolah-olah membuat andaian kononnya ada pihak lain yang sengaja meletakkan lambang-lambang berkenaan di tempat itu. Bagi parti itu, apa saja yang dilakukan oleh pihak berkuasa mempunyai agenda. Masalah yang begitu serius seperti ini juga cuba dipermainkan. Keadaan seperti ini amat menyedihkan, terutama ia membabitkan sebuah parti yang melaung-laungkan hendak menegakkan Islam.

Sekiranya kerajaan mahu mendedahkan senarai nama pengikut Al-Ma'unah dan kaitannya dengan ahli Pas, terlebih dulu perlu mendapat jaminan daripada parti itu supaya benar-benar ikhlas kerana masalah yang dihadapi hari ini membabitkan soal keselamatan negara. Sanggupkah parti itu menggugurkan nama Islam daripada nama parti itu sekiranya sah ramai anggotanya terbabit dalam kumpulan itu? Pas perlu berani menerima hakikat ini kerana perjuangan yang memperalatkan nama Islam sebagaimana cuba dijuarai parti itu sudah pun menjadi pegangan dan amalan sesetengah pihak. Bagi yang bersikap ekstrim dan militan, mereka sanggup melakukan apa saja untuk memastikan cita-cita mereka tercapai. Malah, seruan supaya rakyat membenci kerajaan sudah menyerap dan sebatikan ke dalam pemikiran mereka. Bagi mereka, kerajaan hari ini kafir dan perlu ditentang. Kerajaan pula seharusnya berani melakukan apa saja demi membetulkan semula kepincangan pemikiran sesetengah rakyat hari ini.

(END)